

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned below the text.

CREATE

e-newsletter

101 anak staf UMP teruja terima kelengkapan pakaian :

“Terima kasih UMP” itulah ucapan kegembiraan yang lahir daripada salah seorang daripada 55 staf yang terlibat dalam Program ‘Back to School 2019’ anjuran Yayasan UMP dengan kerjasama Family Takaful Berhad di UMP Kampus Gambang pada 18 Disember 2019 yang lalu.

Bapa kepada empat penerima sumbangan kelengkapan pakaian sekolah ini merupakan Pemandu UMP, yang dapat diucapkan melainkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak universiti dan Etic

“Terharu dengan keprihatinan pihak universiti dalam meringankan beban dari segi pembelian pakaian sekolah memasuki sesi persekolahan nanti, tambahan peningkatan kos sara hidup ketika ini yang tidak hanya merembeskan membabitkan kelengkapan sekolah,” katanya.

Beliau berharap program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang dan lebih ramai yang berpelembutan dari program ini.

Hadir menyampaikan kelengkapan persekolahan itu ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) kepada 101 penerima bantuan kelengkapan pakaian sekolah bertempat di Blok W, UMP Gambang.

Hadir sama Pro-Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Presiden Kesatuan Kakitangan Sokongan UMP (KKSU).

Dalam ucapannya, Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Hainin berkata, Program ‘*Back to School 2019*’ merupakan inisiatif Jabatan Pendaftar dan Etiqa Family Takaful Berhad yang cakna terhadap tanggungjawab UMP dalam membantu memerlukan bantuan.

“Selain itu, ia dapat meringankan beban staf terutamanya menjelang sesi persekolahan dengan menyumbangkan kepada anak-anak yang memerlukan.

“Usaha ini salah satu inisiatif universiti dalam membantu warga UMP dengan usaha mewujudkan Tabung KKSU.

“Penglibatan pelbagai pihak untuk tampil menyumbang dan menderma melalui dana Yayasan UMP berwujud amal jariah, khususnya untuk manfaat warga UMP dan masyarakat lain amnya,” katanya.

Program ‘*Back To School*’ ini juga telah dilaksanakan dengan membantu seramai 200 anak-anak asnaf di sekolah.

Pada kesempatan ini, anak-anak staf juga berpeluang melawat sekitar kampus universiti dan berkunjung memohon informasi tentang UMP di Galeri UMP.

Bina Negara Bangsa Malaysia

Nasionalisme atau semangat Kebangsaan merupakan asas penting dalam pembinaan negara bangsa.

Dengan mengambil satu faktor yang selalu digunakan untuk mengkategorikan sesebuah negara dan merupakan identiti kepada negara dan jati diri kepada sesuatu bangsa, ia juga mempunyai kuasa untuk me

Bahasa juga merujuk kepada pengidentifikasian rakyat dengan negara mereka iaitu penerimaan terhadap k

Menurut Felo Utama Bersama Institut Kajian Etnik (KITA) & Institut Alam dan tamadun Melayu (ATMA) Profesor Dato' Dr. Teo Kok Seong, kuasa bahasa ini terbukti pada sepanjang sejarah manusia di dunia.

"Misalnya, pada zaman purba, Maharaja Shih Huang Ti, telah berjaya menggunakan bahasa, dalam ber bersama, untuk menyatupadukan rakyat China yang bertutur dalam pelbagai bahasa.

"Begitu juga pada zaman moden, bahasa, khususnya bahasa negara, digunakan sebagai alat perpaduan Itali dan Jerman adalah dua contoh di Eropah yang sering disebut-sebut.

"Di rantau ini, Indonesia dilihat berjaya menyatupadukan rakyat peribumi yang dikatakan terdiri daripada bahasa yang berlainan," ujarnya.

Bukan itu sahaja, rakyat Indonesia juga didapati fasih berbahasa negara mereka, bangga, sayang serta yang hadir menjayakan Program Bicara Cendekiawan Mulia Siri 5 anjuran Pejabat Naib Canselor dan Puan Pahang (UMP) di Dewan Bankuet, Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan pada 19 Disember 2019 yang

Menurutnya, negara kita juga berhasrat menggunakan bahasa Melayu, iaitu bahasa negara kita, untuk daripada pelbagai kaum.

“Ia termaktub dalam Laporan Pendidikan Razak pada tahun 1956, dan diangkat menjadi dasar pada Ordinan Pendidikan 1961 dan 1996.

“Dalam Akta Pendidikan 1996 yang telah menggantikan Akta 1961 itu, pada Bahagian 17, melalui jawapan Pengantar Utama’, ditegaskan bahawa ‘Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama Pendidikan Kebangsaan’.

“Setelah sekian lama semenjak 1957 lagi, bahasa Melayu diberikan peranan sebagai bahasa perpaduan Kebangsaan,” katanya.

Berkongsi pendapatnya, sejauh mana negara berdaulat ini mendukung bahasa Melayu sehingga ia terpeliharakan bahasa Melayu berjaya menyatupadukan rakyat di negara ini, jawapannya, "Tidak".

Menurut Profesor Dato’ Dr. Teo, bahasa negara yang mampu digunakan di serata tempat di dunia, untuk mengekalkan identiti linguistik negara sebagai identiti negara dalam konteks bahasa Melayu dilihat gagal di Malaysia.

“Sudah tiba masanya, kita meneliti dengan hemat tentang sebab-musabab kegagalan ini. Pada saya, sebabnya ialah sesetengah kalangan rakyat dalam bertutur dalam bahasa Melayu, iaitu bahasa negara ini.

“Sepatutnya, ada (fatwa bahasa) bahawa setiap warganegara wajib mengetahui bahasa negaranya dengan baik yang tinggi terhadapnya.

“Bukan sahaja faktor tidak fasih ini menjadi masalah, ada semacam usaha penolakan terhadap bahasa Melayu oleh kalangan kaum Cina misalnya, untuk tidak mengidentifikasikan diri mereka dengan bahasa Melayu,” ujarnya.

Namun ujar beliau, masalah tiada kefahaman dalam bahasa Melayu telah lama cuba diatasi oleh pihak kerajaan.

“Ia dapat dilihat pada usaha kerajaan untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu iaitu cadangan untuk meningkatkan pelajaran bahasa Melayu di sekolah vernakular, pada tahap dua, iaitu Tahun 4,5 dan 6, dari 180 minit kepada 240 minit.

“Selain itu, satu lagi usaha ialah untuk menyelaraskan sukatan pelajaran mata pelajaran bahasa Melayu dengan sukatan Jenis Kebangsaan (Cina dan Tamil).

“Kedua-dua usaha ini ditolak dengan kerasnya oleh kaum Cina melalui aktiviti pendidikan aliran Cina. Pihak

dalam isu pengajaran tulisan Jawi melalui seni khat pada bahan bahasa simpulan bahasa, tidak berapa lama wujud kembali pada pertengahan Disember 2019),” katanya.

Jelas beliau lagi, walaupun setelah kerajaan dilihat ‘beralih’ kepada tekanan aktivis pendidikan vernakular, pengajaran daripada enam kepada tiga halaman daripada jumlah bahan mata pelajaran bahasa Melayu dengan menjadikannya bahan pilihan untuk diajar dan dipelajari.

“Namun, pertubuhan aktivis pendidikan aliran Cina, iaitu Dong Jiao Zong, terus mendesak pihak Kementerian menerusi Lembaga Sekolah menjadi penentu kepada pilihan yang bakal dibuat oleh ibu bapa atau Persatuan anak Cina belajar tulisan Jawi secara pilihan itu.

“Sikap ini sebenarnya adalah anti nasional sifatnya yang mana mereka menentang kepentingan negara iaitu aspirasi nasional, bahasa Melayu ialah bahasa perpaduan.

“Lebih-lebih lagi yang dipersetujui bersama dalam Perjanjian Kemerdekaan atau apa yang dikenali sebagai

“Dengan contoh-contoh ini, ternyata kita tidak bersatu padu, iaitu tidak sekata sehati sejiwa dalam soal bahasa,” katanya.

Menurut beliau lagi, dengan perkataan lain, tiada sokongan padu oleh sekelompok rakyat, untuk menegakkan negara dan aspirasi nasional ini, iaitu bahasa Melayu selaku bahasa negara dan bahasa selaku alat perpaduan.

“Dalam pada itu, negara bangsa rata-ratanya merujuk kepada negara yang berdaulat setelah merdeka dan

“Bersatu padunya rakyat, sama ada yang homogenous, iaitu terdiri daripada satu kaum seperti Jepun misalnya, iaitu terdiri daripada pelbagai kaum seperti di Malaysia yang wujud kerana beberapa faktor yang dijangka, iaitu bahasa, sejarah, budaya dan nilai yang sama,” katanya.

Siri Bicara Cendekiawan Mulia UMP itu merupakan medan wacana bulanan yang menampilkan tokoh-tokoh

Tokoh-tokoh ini berperanan untuk mengupas isu-isu semasa yang merentasi pelbagai dimensi dari aspek akademik UMP dan masyarakat secara keseluruhannya.

Antara yang pernah menjayakan program termasuklah Tan Sri Dr. Rais Yatim dan Profesor Emeritus Datu Seri Dr. Rosli Hainin tajuk 'Bahasa Melayu dan Cabaran Pemerkasaan Identiti Nasional Dalam Era Malaysia Baharu'.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Akademik) Profesor Rosli Hainin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamri, Timbalan Naib Canselor (Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Pembentukan Sinergi Kepimpinan MPP Baharu

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) baharu yang dilantik diharapkan sebagai platform untuk menjadi seorang pemimpin yang berkaliber dan bergerak lebih maju ke hadapan.

MPP harus berperanan dan bertanggungjawab dalam mempromosikan aspek penyuburan budaya kegemilangan dan kemanusiaan melalui pelbagai program dan aktiviti supaya UMP terus harmoni dan berseri dengan semangat kepelbagaian pengajian dan juga perpaduan.

Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff menyarankan agar proses pembentukan MPP baharu dilaksanakan.

“Kepimpinan MPP ini mempunyai peranan besar dalam era transisi untuk meluaskan *worldview* mahasiswa dan bertanggungjawab dalam soal pengurusan diri.

“Dengan kematangan yang mendasari kepimpinan mereka, maka MPP merupakan satu *training ground* untuk kepimpinan ini perlu belajar untuk bertanggungjawab (*accountable*) terhadap sebarang keputusan yang dibuat oleh mereka yang berucap dalam Majlis Penyerahan Wafat Pelantikan dan Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan Menteri Mesyuarat Senat, UMP Pekan pada 13 Disember 2019 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato’ Ts. Dr. Yusseri Yusoff (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli.

Tambah beliau lagi, dengan mewujudkan pasukan pemimpin yang mantap membolehkan tanggungjawab MPP berkesan tanpa perasaan prejudis dan curiga.

“Apa yang lebih penting, keupayaan MPP berperanan sebagai suara mahasiswa secara profesional dan terbuka sama ada dari dalam atau luar kampus dan kematangan kepimpinan MPP berinteraksi dengan pihak pengurusan yang harmoni dan profesional hendaklah dikekalkan.

“Kepimpinan MPP juga perlu berusaha keras untuk memupuk kesedaran muhibah dan perpaduan yang berbilang kaum, agama dan negara demi kesejahteraan pengalaman kampus mereka di sini.

“Pihak universiti mengucapkan tahniah kepada urus setia mahasiswa yang diketuai oleh mahasiswa Fakulti Sains, Razak dan Adam Jawahar serta pasukan atas keupayaan menguruskan pemilihan MPP kali ini dengan laju dan berkesan dalam masalah atau kejadian yang serius,” katanya.

Tambah beliau, kejayaan eksperimen tersebut memberi keyakinan kepada pihak pengurusan untuk terus berusaha semaksimum mungkin dalam urusan pemilihan MPP yang akan datang.

“UMP turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Zakwan Zulkifli, mantan Yang di-Pertua dan Kabin dan sumbangan yang telah diberikan,” katanya.

Majlis turut menyaksikan Yang di-Pertua MPP UMP 2019/2020, Mohd Fitri Zulkaffli mengetuai acara menandatangani dokumen disertai seramai 42 perwakilan termasuklah Timbalan Yang di-Pertua Pek Timbalan Yang di-Pertua Gambang, Che Muhammad Harith Ab Halim dan Setiausaha Agung, Nurul Ishafir

UMP kenang jasa staf, rai felo tamat penga

Pengalaman 18 tahun berkhidmat sebagai staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang kemudiannya Teknologi dan Kejuruteraan Malaysia (KUKTEM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) memberikan ba yang kini telah menamatkan perkhidmatan sebagai pensyarah di Pusat Bahasa Moden dan bersara pada lalu.

Berkongsi pengalaman, Nor Ashikin bersyukur apabila berpeluang menimba pengalaman dan menyumba para pensyarah agar terus mendidik anak bangsa dengan ikhlas.

Beliau merupakan antara lapan orang staf universiti yang bersara pada tahun ini dan dirai dalam Majlis Ja dan Felo Tamat pengajian anjuran Jabatan Pendaftar di UMP Pekan pada 16 Disember 2019 yang lalu.

Mereka yang turut diraikan adalah Haji Zahari Muda dari Bahagian Keselamatan UMP, Nik Mohd Kamil N Elektrik dan Elektronik, Haji Ruslan Che Pee dari Perpustakaan, Profesor Madya Dr. Norrihan Sulan, Abc dan Pengurusan Harta (JPPH), Suriya Kumar A/L V Sinnadurai dan Nor Ashikin Abdul Aziz dan Prof

Pengurusan Industri.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UMP, Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff bertamasya ke Pekan dan pengurusan universiti.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, majlis ini merupakan sebahagian inisiatif dan komitmen pihak perantara berinteraksi dengan warga kerja dan pesara UMP dengan semangat kekeluargaan.

“Manakala pesara atau bakal pesara juga boleh terus memberi sumbangan apa sahaja mengikut kemampuan mereka menyumbang derma untuk Yayasan UMP serta lain-lain yang dapat dimanfaatkan komuniti di universiti ini,”

Pada masa yang sama majlis turut meraikan 30 staf dan felo yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat

Daripada jumlah tersebut, seramai enam orang staf akademik yang berjaya bergraduasi dalam tempoh pengajian kelulusan asal dan mereka menerima sijil penghargaan khas dan insentif kecemerlangan melalui program

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar mengucapkan tahniah kepada 30 staf dan felo yang berjaya menamatkan pengajian dan dapat menjalankan tanggungjawab yang diberikan ke arah kecemerlangan universiti.

“Sehingga kini, bilangan pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) di UMP telah mencapai 67.2 peratus. 30 staf akademik dapat memberikan sumbangan dalam kepakaran masing-masing agar memberi manfaat ke arah kemajuan selaras dengan *tagline* UMP 'Memasyarakatkan Teknologi' yang mendasari Pelan Strategik UMP 2020,”

Antara penerima insentif kecemerlangan melalui program *Graduate On Time* (GOT) adalah Dr. Noor Intan Fauziah dari Kejuruteraan Kimia dan Proses, Dr. Muhammad Rusydi Mohamad Yasin dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Dr. Fazli Farida Asras, Nazira Mahmud dan Nurhaizan Mohd Zainudin dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri dan Sains Kemanusiaan.

UMP turut mengabadikan kenangan buat tiga orang staf yang telah kembali ke rahmatullah tatkala masing-masingnya telah berkhidmat dengan penuh dedikasi kepada UMP sepanjang hayat mereka dan ketiadaannya

Mereka adalah Allahyarham Arman A. Rahim dari Jabatan Pendaftar, Allahyarham Said Ismail dari Pusat Sains dan Teknologi Industri dan Sains Kemanusiaan.

UMP, Etiqa bantu 200 anak-anak asnaf terima bantuan kelengkapan

Seramai 200 pelajar sekolah rendah dari 11 buah sekolah sekitar Pekan yang terdiri daripada anak-anak asnaf seronok menerima pakaian dan kelengkapan sekolah baharu dalam program Program 'Back to School 2019' (UMP) dengan kerjasama Etiqa *Family* Takaful Berhad dan Yayasan UMP di Pekan pada 19 November 2019.

Hadir menyampaikan sumbangan ialah Dekan Perkhidmatan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Sukan, UMP, Sulaiman dan Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Takaful Berhad Wilayah Timur, Tengku Saifuddin Tengku Serbaguna, UMP Kampus Pekan.

Hadir sama Pro-Pendaftar, Abd. Rahman Safie dan Pengarah Pusat Jaringan Industri & Masyarakat, UMP, Penyelidikan & Inovasi, Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin.

Program 'Back to School 2019' merupakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) UMP dan Etiqa yang bertujuan memberikan bantuan kelengkapan persekolahan kepada pelajar yang memerlukan.

Menurut Profesor Madya Dr. Mansor, penganjuran program merupakan hasil kerjasama erat antara pihak-pihak jaringan strategik kedua-dua pihak yang telah sedia terbina.

“UMP sentiasa terbuka dan bersedia untuk meneroka ruang dan potensi kolaborasi strategik yang melibatkan perkongsian kepakaran saintifik dan teknikal Universiti ini dengan fokus urusan dan teras Etiqa sama ada melalui *Social Innovation* (CSI).

“Dalam hubungan ini pelbagai inisiatif libatsama sosial (*social engagement*) akan terus diatur gerak bagi memberi manfaat kepada rakyat di Negeri Pahang menerima manfaat daripada kewujudan universiti ini.

“Pihak pengurusan universiti sentiasa menyambut baik sebarang hasrat daripada mana-mana jabatan, agensi swasta, pertubuhan awam atau individu untuk berkolaborasi dalam pelbagai bentuk demi faedah umum,” kata Dr. Mansor.

Manakala Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Takaful Berhad Wilayah Timur, Tengku Saifuddin Tengku Zafrizul Tengku merupakan zakat Etiqa yang disumbangkan terus kepada UMP.

“Pendidikan merupakan asas yang penting untuk mengubah kehidupan seseorang hingga ke pengajiran yang lebih baik kehidupan di masa hadapan.

“Pihak Etiqa sebelum ini telah menyumbang sebanyak RM130,000 bagi bantuan Zakat Pelajar bagi tahun 2011 ke tabung Yayasan UMP.

“Bermula tahun 2012, anggaran sumbangan Etiqa kepada UMP dianggarkan RM360,000 melalui pelbagai golongan yang memerlukan,” katanya.

Bagi penerima manfaat bantuan yang merupakan pelajar tahun lima dari Sekolah Kebangsaan Ubai, M. Yusoff, beliau turut berkongsi kegembiraan dengan rakan lain apabila menerima pakaian sekolah dan peralatan sekolah untuk memulakan sesi persekolahan pada 2 Januari depan.

Rancang pengajian PhD Sasar ‘GOT’

Cabaran bertukar penyelia di saat akhir bukan halangan buat pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

Menurut beliau, pihak universiti telah memberi ruang kepadanya, justeru, saya harus membalas kepercayaan itu.

“Dengan tekad itu, saya telah berusaha sehabis mungkin untuk menyudahkan pengajian ini.

“Pada masa itulah merupakan dugaan terbesar buat saya, sewaktu berdepan situasi yang mungkin menamatkan pengajian.

“Namun, bantuan dan sokongan rakan-rakan terutamanya pegawai di Jabatan Pendaftar memberikan saya Ujarnya, hasil perbincangan dengan pihak universiti dan penyelia yang baharu, akhirnya pengajian dapat d

“Pada ketika itulah banyak masa perlu dikorbankan termasuklah di hujung minggu dan pulang ke rumah se Lebih membanggakan, Dr. Mohamad Rusydi berjaya mencapai sasaran apabila berjaya menamatkan pe (PhD) dalam tempoh empat tahun bermula 20 Ogos 2015 hingga 19 Ogos 2019 di Purdue University, Unite

Beliau yang kini merupakan pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik dirai Majlis Apresiasi Staf dan Felo Tamat Pengajian anjuran Jabatan Pendaftar pada 16 Disember 2019 yang la

Berkongsi pengalaman ketika berada di dalam dunia PhD, beliau berkata perancangan dengan penyelia ar

Beliau menasihatkan mereka yang sedang menyambung pengajian agar terus istiqamah dalam setiap tin yang diinginkan.

“Cabaran berbeza mengikut masing-masing namun ini adalah kemanisan dalam dunia PhD.

“Selain itu, belajar di luar negara turut memberikan saya pengalaman terutamanya mengenali gaya hidu yang dilihat lebih terbuka, berani dan rajin bekerja.

“Memandangkan kajian yang dijalankan berkaitan dengan industri memberikannya peluang menimba pe menyelesaikan masalah industri,” ujarnya.

Sebagai pensyarah, beliau berbangga dengan pencapaian universiti kini terutamanya dalam penarafan dan

Kejayaan ini diharapkan berterusan dan sebagai pensyarah muda harapnya dapat menyumbang sama atas

Turut sama menerima insentif kecemerlangan melalui program *Graduate On Time* (GOT) adalah Dr. M Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses, Dr. Mohd Fazli Farida Asras, Nazira Mahmud dan Nurhaiz Teknologi Industri serta Dr. Noradilah Md Nordin dari Pusat Sains Kemanusiaan.

Ilmu keusahawanan bantu mahasiswa UM

Program penambahbaikan inisiatif keusahawanan dan maklum balas yang disampaikan Dr. Suraya Su memberi peluang mahasiswa lebih bersedia mendalami bidang perniagaan.

Program anjuran Pusat Keusahawanan UMP (MyPACE) ini turut membabitkan penyelaras keusahawanan usaha untuk memperkasakan agenda keusahawanan negara.

Program ini merupakan satu kajian Impak Pelaksanaan Program Keusahawanan di Institusi Pendidikan mengkaji keberkesanan inisiatif di bawah Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2016-2020 dan pada masa strategik yang baharu melalui analisa kritikal terhadap penerimaan dan prestasi semasa, isu, cabaran dan ekosistem kondusif komuniti.

Menurut Dr. Suraya, antara salah satu fokus utama dalam sesi ini ialah untuk menangani isu di antara hangat diperkatakan pada masa kini.

“Beberapa perkara asas yang dicadangkan agar diberikan perhatian adalah seperti pendedahan ilmu ke dan latihan keusahawanan yang komprehensif serta berstruktur diperkasakan di peringkat pengajian tinggi dan graduan pada masa kini.

“Dalam pada itu juga pendekatan terbaik, penilaian semula dasar serta inisiatif, analisis kekangan, peluang pembudayaan keusahawanan juga merupakan antara elemen penting yang ditekankan supaya mar usahawan yang berdaya saing pada masa akan datang.

“Walau apapun yang dipilih, kedua-dua *mind set* ini tetap menyumbang kepada pembangunan negara usaha serta hasil yang diperoleh adalah mengikut daya saing dan ketahanan masing-masing,” katanya.

Menurut Pengarah Pusat Keusahawanan (MyPACE), Profesor Madya Ts. Dr. Hadi Manap pula, pihaknya memberi peluang mahasiswa mendalami ilmu keusahawanan agar lebih bersedia untuk menawarkan p kepada golongan sasaran juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

“Penganjuran program ini juga adalah sebagai inisiatif dalam menyuburkan dan membudayakan aktiviti keu

Manakala bagi siswazah Sarjana Kejuruteraan Kimia, Mohd Nazarni Che Isa, program ini amat memberi m

“Malahan untuk menjadi *Job Creator* adalah bukan satu yang mudah tetapi tidak mustahil.

“Ia boleh bermula dengan sekecil-kecil perniagaan bagi mendapatkan pengalaman dan merasai tahap ke meneroka aktiviti perniagaan yang berskala besar,” katanya.

Lebih 30 orang mahasiswa yang terpilih merangkumi pelbagai bidang dan tahun pengajian berlangsung pa

Program sehari itu dimulakan dengan sesi perbincangan bersama pengurusan Pusat Keusahawanan pa balas dan isu-isu utama keusahawanan seperti berkaitan fungsi, skop dan polisi keusahawanan.

Program pada sebelah petangnya pula melibatkan sesi bersama mahasiswa dan penyelaras keusahawa pembelajaran dan ilmu keusahawanan yang diperoleh di universiti.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang dikembalikan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas pandangan yang dikemukakan dalam artikel yang dikirimi melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimi akan dipertimbangkan dan dikembalikan. Sumbangan karya yang diterima oleh penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 106 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

